



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 17/7/2011 |

KL, London janji perkukuh hubungan

Cameron akui hubungan diplomatik, politik perlu diberi tumpuan: Najib



MALAYSIA dan united Kingdom (UK) berjanji mengukuhkan semula hubungan diplomatik dan politik kedua-dua negara yang kurang intim sejak beberapa tahun lalu.

Perkara itu antara topik perbincangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan rakan sejawatannya, David Cameron di No 10 Downing Street, di sini kelmarin.

Najib yang mengakhiri lawatan rasmi ke UK semalam menjelaskan Cameron dan beberapa pemimpin kanan UK yang ditemuinya mengakui selama ini mereka tidak begitu memberi tumpuan terhadap hubungan diplomatik dan politik kedua-dua negara.

Malaysia dan UK setuju masanya sudah tiba untuk membetulkan semula hubungan dua negara itu. Cameron juga sedia melawat Malaysia pada tarikh sesuai. Ketika Tony Blair dan Gordon Brown menjadi Perdana Menteri, mereka tidak melakukan lawatan ke Kuala Lumpur.

Menurut Najib, kedua-dua negara mempunyai kedudukan geo-politik yang perlu diberi perhatian lebih tinggi.

"UK mengakui Malaysia negara penting dan mereka perlu memberi fokus dalam agenda kerja negara itu. Saya lihat dari segi objektifnya, nampak interaksi dalam lawatan rasmi kali ini. Ia mencapai objektif," katanya yang berpuas hati dengan hasil lawatan kerana dapat menjelaskan kepada kerajaan UK dan ketua industri mengenai hala tuju dan pelan transformasi negara.

"Saya bantangkan dan melihat mereka menyambut baik apa yang dihuraikan terutama Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Model Baru Ekonomi (MBE). Saya juga jelaskan kedudukan Malaysia sebagai negara utama dalam bidang perbankan Islam dan potensi besar dalam bidang tradisional seperti pendidikan, perubatan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)," katanya.

Dalam lawatan itu, Malaysia dan UK menandatangani enam memorandum persefahaman (MoU) membolehkan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, agensi kerajaan dan universiti.

Antara lain, MoU membolehkan PETRONAS dan Petrofac Limited



NAJIB ketika menyampaikan amanat pada majlis makan malam bersama rakyat Malaysia di London, kelmarin.

adalah kerjasama menggunakan teknologi terkini bagi membangunkan lapangan marginal di Malaysia bersama syarikat tempatan. Ia dapat menentukan tahap pengeluaran minyak dan gas yang lebih tinggi melalui pembangunan kawasan yang selama ini dianggap lapangan marginal.

Najib yang turut melawat pembangunan semula sistem pengangkutan kereta api bawah tanah di London, berkata ada syarikat dari UK diberi kerja perundingan Suruhanjaya Pengangkutan Awam

Darat (SPAD) dan mereka berminat mengambil bahagian dalam pembangunan MRT.

Beliau juga mengadakan rundungan meja bulat dengan 25 ketua industri antaranya dalam bidang pembuatan, pendidikan, kewangan, media, penjagaan kesihatan, penerbangan, pertahanan, minyak dan gas, perkhidmatan pelancongan, kejuruteraan dan perkhidmatan sekuriti.

Sementara itu, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, mendapat tawaran menjadi se-

orang daripada penaung Universiti Wanita Asia (AUW) di Chittagong, Bangladesh.

Tawaran dalam sepucuk surat itu dihantar kepadanya oleh Canselor AUW, Cherie Blair yang juga isteri bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair.

"Insyallah saya akan terima tawaran beliau dan menghantar jawapan sekembalinya saya ke Malaysia," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, semalam.

Rosmah mengirangi suaminya dalam lawatan rasmi ke UK.